From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 12 SESI PARALEL ICTOM 2026 PERKUKUH PERKONGSIAN ILMU RENTAS DISIPLIN
Date: Monday, 21 September, 2026 10:20:22 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Nurul Farzana Zamri
Gambar oleh: Ahmad Fasil Solihin Mohd Azlam

12 SESI PARALEL ICTOM 2026 PERKUKUH PERKONGSIAN ILMU RENTAS DISIPLIN



UUM ONLINE: Pulau Pinang, 8 September 2026 – International Conference on Technology and Operations Management 2026 (ICTOM 2026) menyediakan platform perkongsian ilmu yang dinamik menerusi penganjuran 12 sesi paralel, melibatkan penyertaan secara fizikal dan dalam talian.

Daripada keseluruhan 112 peserta, seramai 75 peserta hadir secara fizikal di Cititel Hotel, Pulau Pinang, manakala 37 peserta menyertai persidangan secara dalam talian. Sesi pembentangan lisan merangkumi enam sesi fizikal yang dilaksanakan di tiga bilik persidangan sepanjang dua slot utama, serta enam sesi dalam talian menerusi bilik pecahan maya.

Kelancaran sesi paralel ini turut diperkukuh melalui penglibatan 20 invited speakers, terdiri daripada 13 invited speakers bagi sesi fizikal dan tujuh bagi sesi dalam talian. Selain berkongsi kepakaran melalui pembentangan khas, mereka turut bertindak sebagai moderator dan pemberi ulasan bagi menggalakkan perbincangan yang lebih kritis serta membina.





ICTOM 2026 turut menampilkan 33 pembentangan poster, sekali gus membuka ruang kepada lebih ramai penyelidik untuk mempersembahkan hasil kajian, inovasi dan penyelesaian yang berpotensi memberikan impak kepada masyarakat serta industri.

Pembentangan yang diketengahkan meliputi bidang perniagaan, teknologi, pengurusan operasi dan logistik. Pada tahun ini, skop ICTOM diperluaskan dengan pengenalan bidang kejuruteraan sebagai salah satu bidang utama persidangan. Perkembangan ini mencerminkan keperluan kepada pendekatan rentas disiplin dalam menangani cabaran semasa berkaitan kelestarian, transformasi digital, kecerdasan buatan, rantaian bekalan, alam sekitar dan pembangunan teknologi.

Antara kajian yang dibentangkan termasuk inovasi bahan dan tenaga, pengurusan sisa dan air, teknologi kecerdasan buatan, keselamatan jalan raya, sistem logistik, pengurusan rantaian bekalan, pelancongan, kelestarian organisasi serta pembangunan ekonomi dan komuniti.

Menurut Pengarah ICTOM 2026, Ts. Dr. Siti Khadijah Hubadillah, sesi paralel merupakan antara komponen terpenting persidangan kerana menyediakan ruang interaksi secara langsung antara pembentang, pakar bidang dan peserta.





"Melalui sesi ini, peserta bukan sahaja dapat membentangkan hasil penyelidikan, tetapi juga menerima pandangan, cadangan dan maklum balas yang dapat membantu mereka memperkukuh kajian. Perbincangan yang berlaku turut membuka peluang kepada pembentukan jaringan dan kerjasama penyelidikan baharu," katanya.

Format sesi yang menggabungkan pembentangan fizikal, dalam talian dan poster membolehkan ICTOM 2026 menawarkan pengalaman persidangan yang lebih inklusif. Pendekatan ini turut memberi peluang kepada peserta daripada pelbagai institusi dan negara untuk bertukar pandangan tanpa dibatasi oleh lokasi.

Penganjuran sesi paralel ini membuktikan bahawa ICTOM bukan sekadar medan pembentangan hasil penyelidikan, tetapi turut berperanan sebagai platform yang menghubungkan idea, kepakaran dan inovasi daripada pelbagai bidang. Melalui perkongsian tersebut, ICTOM 2026 terus memperkukuh peranannya dalam menghasilkan penyelesaian yang lebih praktikal, bertanggungjawab dan mampan untuk masa hadapan.

ZMS/JKK/2026



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.